

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN
ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2019

SOALAN

YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa ramai baki pengedar Melayu Bumiputera dalam Proton di Lembah Klang dan seluruh negara yang tinggal sejak Syarikat Geely mengambil-alih Proton serta apakah langkah-langkah Kerajaan bagi membantu Bumiputera agar dapat bertahan dalam industri automotif nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada tahun 2017, perjanjian kerjasama strategik PROTON-Geely telah dimeterai dalam usaha memulihkan prestasi syarikat kenderaan nasional tersebut secara menyeluruh dan melaksanakan transformasi bagi mencapai pertumbuhan prestasi yang lebih mampan.
2. Dalam usaha membangunkan rangkaian pengedar yang mesra pelanggan, PROTON telah melaksanakan program penaiktarafan pengedar daripada kategori 1S (sales) dan 2S (*sales and spare parts*), kepada 3S (*sales, service and spare part*) atau 4S (*sales, service, spare part and body shop*).

SOALAN NO 13

3. Penaiktarafan ini tidak diwajibkan kepada semua pengedar-pengedar, namun demikian PROTON menggalakkan para pengedar untuk menaik taraf pusat-pusat perkhidmatan mereka bagi tujuan meningkatkan tahap kepuasan pemilik-pemilik kenderaan Proton melalui perkhidmatan bersepadu di pusat-pusat perkhidmatan 3S/4S. Penaiktarafan ini dijangka akan meningkatkan pendapatan para pengedar memandangkan model perkhidmatan yang ditawarkan ini pada kebiasaannya menjadi pilihan utama pemilik-pemilik kenderaan PROTON.

4. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh PROTON, jumlah rangkaian pengedar di seluruh negara pada masa kini adalah sebanyak 297 pengedar iaitu pengurangan 47 pengedar berbanding 344 pengedar sebelum permerteraian kerjasama strategik PROTON-Geely pada 2017. Pecahan bilangan rangkaian pengedar adalah seperti berikut:

	2017	September 2019	Perbezaan
Pengedar Bumiputera	145	98	(47)
Pengedar Bukan Bumiputera	199	199	-
Jumlah	344	297	(47)

5. Mengikut penjelasan PROTON, pengurangan bilangan pengedar Bumiputera adalah secara sukarela oleh syarikat pengedar di atas pertimbangan keputusan perniagaan mereka. Terdapat faktor-faktor lain selain daripada penaiktarafan dari pusat 3S ke 4S yang berkemungkinan menyebabkan pengurangan bilangan pengedar Bumiputera Proton termasuklah faktor jualan kereta keluaran Proton yang agak lembap pada tahun 2017 dan 2018.

6. Pada tahun 2017 dan 2018, PROTON menduduki tempat ke tiga dari segi jualan (*Total Industry Volume*) di bawah Perodua dan Honda. Selepas pensegaran semula Proton, setakat September 2019, PROTON kini menduduki tangga kedua dengan jualan sebanyak 69,920 unit. Selain daripada jualan model X70 yang membantu dalam peningkatan

SOALAN NO 13

jualan PROTON pada tahun 2019, jualan bagi model Saga dan Persona baharu juga amat menggalakkan pada masa ini.

7. Untuk makluman, PROTON telah menerima sebanyak 277 permohonan daripada pengedar sedia ada untuk menaik taraf ke 3S/4S. Permohonan pengedar Bumiputera adalah menggalakkan iaitu pada kadar 73.5% atau bersamaan dengan 72 permohonan daripada 98 pengedar Bumiputera sedia ada. Dalam hal ini, PROTON mengalukan penglibatan syarikat Bumiputera, samada di kalangan rangkaian pengedar sedia ada atau pelabur baharu, untuk memohon pembukaan pusat-pusat 3S/4S milik Bumiputera.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Dalam hal ini, perkara utama yang perlu dilihat adalah dari segi *sustainability* PROTON untuk terus kekal berdaya saing pada masa akan datang dalam industri automotif Malaysia.

9. Kerajaan dalam hal ini juga sentiasa menggalakkan syarikat pengedar kereta sedia ada untuk menaiktaraf dari pusat 3S ke 4S untuk meningkatkan kemampuan dan *sustainability* mereka bagi jangka masa panjang. Ini juga akan membolehkan pengedars edia ada untuk menceburi bidang lain berkaitan automotif selain daripada menjadi pengedar PROTON.

10. Bagi meningkatkan tahap kompetensi pengedar PROTON termasuk Bumiputera, Kerajaan menyediakan program-program latihan seperti *Dealer Entrepreneurship Enhancement Programme* (DEEP) dan *CEO and Owner Growth Mindset Programme* yang bertujuan mentransformasi pengedar-pengedar supaya menjadi lebih berdaya saing dari segi aspek pengurusan, kewangan, teknikal dan keusahawanan.

Sekian, terima kasih.